



MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN DAN PELANCARAN BUKU LAPORAN PENCAPAIAN 2020

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



Pada 5 April 2021, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengadakan Majlis Perhimpunan Bulanan bagi bulan April 2021 yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Majlis ini turut dihadiri oleh Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan, Ketua Setiausaha Perumahan dan Kerajaan Tempatan; barisan Pengurusan Tertinggi, pegawai kanan dan warga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Bersempena dengan majlis ini juga, turut diadakan Pelancaran Buku Laporan Pencapaian KP KT 2020 yang memaparkan prestasi dan pencapaian yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020. Pencapaian utama kementerian bagi tahun 2020 adalah dalam memperkasa pelbagai inisiatif perumahan mampu milik dan selesa untuk rakyat, perancangan pembangunan mampan, pemerkasaan pihak berkuasa tempatan, kesejahteraan komuniti, perkhidmatan kebombaan dan pengurusan lestari sisa pepejal. Di samping itu, KP KT turut mengadaptasi aspek pendigitalan perkhidmatan mengikut norma baharu. Perincian pelbagai inisiatif KP KT yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020 telah diterjemahkan dalam Buku Laporan Pencapaian KP KT 2020 ini.



Melangkah kehadapan, selaras dengan tahun 2021 sebagai Tahun Pelaksanaan – Cepat & Responsif, KPKT komited menjayakan pelbagai usaha bagi mempertingkatkan kesejahteraan komuniti. Sehingga 25 Mac 2021, Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah berjaya menyiapkan 300 unit Program Perumahan Rakyat (PPR) melalui 2 projek iaitu PPR Pelangai, Bentong sebanyak 200 unit dan PPR Inderapura, Kuantan sebanyak 100 unit. Dalam tahun ini, 9 projek PPR melibatkan 3343 unit rumah dan 18 projek Projek Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) melibatkan 2330 unit rumah berstatus dalam pembinaan. Manakala bagi projek PPAM, 6 projek tersebut telah siap dibina yang melibatkan 1967 unit rumah.

Bertepatan dengan tagline ‘PBT Perkasa Rakyat Sejahtera’, mengikut statistik sehingga 28 Februari 2021, KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan telah membelanjakan lebih RM5.3 juta. Ia merangkumi pembangunan dan naik taraf medan niaga dan pasar awam dengan perbelanjaan lebih RM3 juta. Manakala pembinaan dan naik taraf kemudahan awam termasuk dewan, tempat meletak kenderaan, R&R dan terminal bas telah menelan belanja lebih RM2 juta.

Bertunjangkan Dasar Landskap Negara, KPKT positif dalam mensasarkan 1 taman persekutuan bagi 1 negeri di seluruh Malaysia. Usaha ini penting dalam membangunkan program pembangunan landskap bagi penyediaan infrastruktur hijau yang berfungsi dan mampan. Program Taman Persekutuan bertujuan mewujudkan sebuah taman rekreasi awam yang dirancang, direkabentuk, dibina dan ditadbir urus oleh Kerajaan Persekutuan dan dilaksanakan oleh JLN, KPKT.



KPKT terus memperkasakan aspek kesejahteraan komuniti melalui pelaksanaan Program Kebun Komuniti dalam usaha meningkatkan pendapatan serta memenuhi keperluan harian penduduk setempat melalui aktiviti pertanian. Melalui Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti (PSMK) yang bertindak sebagai pemudah cara, program ini akan terus dilaksanakan secara proaktif. Dengan

sasaran 1 PPR, 1 kebun komuniti, sehingga kini terdapat 14 PPR yang menjayakan program ini dengan penglibatan seramai 298 peserta dari 14 PPR yang terlibat secara aktif. Bukan itu sahaja, PSMK dengan kerjasama SWCorp juga telah menjayakan aktiviti Zero Waste Community Initiative (ZeComm) di PPR. Jumlah keseluruhan bahan buangan yang terkumpul (daripada 2020 – Mac 2021) ialah 91,241.25 kg dari 16 PPR yang terpilih.

Mendepani cabaran 2021, KPKT akan terus proaktif dan responsif, KPKT perlu lebih cepat bertindak serta pantas memberi respons terhadap keperluan dan kebajikan rakyat khususnya dalam mendepani cabaran-cabaran semasa.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat